

SIARAN AKHBAR

2 April 2012

Ekuinas Perluas Portfolio Pendidikan Melalui Pelaburan di dalam Kumpulan Cosmopoint

Fakta Utama: -

- Ekuinas memperoleh 90% pegangan ekuiti di dalam syarikat Bumiputera, Cosmopoint Sdn Bhd (Kumpulan Cosmopoint), yang memiliki dan mengurus KL Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT).
- Pelaburan Ekuinas di dalam Kumpulan Cosmopoint yang merupakan sebuah kumpulan pendidikan Bumiputera berpotensi tinggi dan pesat berkembang di dalam Industri Pendidikan Swasta Malaysia berupaya mengekal dan meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam sektor dinamik ini.
- Pelaburan ini juga menyediakan landasan bagi Ekuinas untuk memperluaskan portfolio pendidikannya kepada lima institusi pendidikan dengan bilangan pelajar hampir 20,000 orang, selaras dengan visi Ekuinas untuk membentuk sebuah konglomerat pendidikan terkemuka Malaysia di masa hadapan.

KUALA LUMPUR, 2 April 2012: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, dengan sukacita mengumumkan perolehan pegangan ekuiti sebanyak 90% di dalam syarikat Bumiputera, Cosmopoint Sdn Bhd (Kumpulan Cosmopoint) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM246 juta. Kumpulan Cosmopoint merupakan sebuah kumpulan pendidikan yang pesat berkembang di dalam sektor pendidikan swasta Malaysia menerusi dua institusi miliknya iaitu KL Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT) yang mempunyai lebih daripada 11,000 pelajar merentasi tujuh fakulti pengajian.

Kumpulan Cosmopoint, yang ditubuhkan oleh Dato' Idrus Mohd Satha pada tahun 1991, memiliki rekod prestasi yang kukuh dalam penjaan pertumbuhan pendapatan dan perolehan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, syarikat telah berjaya mencatat pendapatan dan keuntungan selepas cukai diaudit masing-masing sebanyak RM107 juta dan RM33 juta.

Bermula dari penubuhan pusat latihan teknologi maklumat (IT) dan pendidikan Cosmopoint yang pertama di Kuala Lumpur, Kumpulan ini telah berjaya berkembang menjadi salah sebuah kumpulan pendidikan tinggi swasta Bumiputera terbesar di Malaysia. Menerusi KLMUC, sebuah kolej universiti terkemuka di Kuala Lumpur, dan CICT yang memiliki lebih 13 pusat pendidikan di seluruh negara, Kumpulan Cosmopoint kini menawarkan lebih 40 kursus peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di dalam pelbagai bidang pengajian merangkumi bidang pengurusan perniagaan, seni dan reka bentuk, pelancongan dan hospitaliti, kejuruteraan dan IT.

Lanjutan pelaburan Ekuinas, pengasas Cosmopoint Dato' Idrus akan terus kekal menjadi pemegang saham minoriti Kumpulan Cosmopoint dan menguruskan perniagaan untuk ke tahap seterusnya.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Pelaburan di dalam Kumpulan Cosmopoint memberi peluang unik kepada Ekuinas untuk memperluaskan portfolio pendidikan kami bagi mencapai matlamat untuk membentuk salah sebuah kumpulan pendidikan terkemuka Malaysia. Ini selaras dengan aspirasi Ekuinas untuk mentransformasikan syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi untuk menjadi syarikat peneraju pasaran di masa hadapan serta membantu meningkatkan penglibatan Bumiputera secara saksama di dalam sektor pendidikan swasta Malaysia yang luas dan sedang pesat berkembang."

Berdasarkan laporan penganalisis, saiz pasaran industri pendidikan swasta di Malaysia kini dianggarkan berjumlah RM7.2 bilion dan dijangka meningkat sebanyak 9% setiap tahun, mencecah lebih RM14 bilion pada tahun 2015. Perkembangan ini dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi disebabkan oleh demografi yang menggalakkan, penambahan pendapatan penduduk dan peningkatan jumlah pelajar asing di dalam negara, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan antarabangsa.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas menambah, "KLMUC dan CICT adalah dua institusi pendidikan yang mantap dan mempunyai rekod prestasi pertumbuhan yang menggalakkan. Dengan sokongan kumpulan pengurusan yang berpengalaman, institusi ini telah membina jenama dan reputasi yang kukuh dalam penyediaan pengajian tinggi di dalam pelbagai bidang."

"Pelaburan di dalam KLMUC dan CICT akan memperluaskan portfolio pendidikan Ekuinas kepada lima institusi pendidikan dengan bilangan pelajar melebihi 20,000 orang yang meraih jumlah pendapatan melebihi RM200 juta. Ini menyediakan landasan kukuh bagi Ekuinas untuk

membentuk salah sebuah kumpulan pendidikan terbesar di Malaysia yang memenuhi keperluan pendidikan merentasi semua segmen,” ujar beliau lagi.

Antara syarikat portfolio pelaburan Ekuinas sehingga kini adalah institusi pendidikan di bawah Kumpulan Pendidikan APIIT, iaitu Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT), Asia Pacific University College of Technology & Innovation (UCTI), dan Sapura Smart School. Pelaburan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT telah dilaksanakan pada tahun 2010 apabila Ekuinas memperoleh 51% pegangan ekuiti daripada Sapura Resources Berhad dengan jumlah pelaburan sebanyak RM102 juta.

Dengan pelaburan di dalam kumpulan Cosmopoint yang telah dipersetujui secara prinsip pada lewat 2011 dan berjaya dimuktamadkan pada 31 Mac 2012, jumlah komitmen pelaburan Ekuinas setakat ini meningkat kepada **RM903.4 juta**. Bersama dengan modal pelaburan rakan pelabur, Ekuinas kini telah berjaya menjana jumlah kemasukan modal melebihi **RM1.0 bilion** ke dalam ekonomi Malaysia.

- tamat -

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Mengenai Kumpulan Cosmopoint

Kumpulan Cosmopoint telah ditubuhkan pada awal tahun 1990-an semasa bidang ICT mula mengalami pertumbuhan yang pesat dan memerlukan pelaburan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga sumber manusia yang bijak, berbakat dan berkecayaan. Kini, Kumpulan telah berjaya mengukir nama di dalam industri pendidikan, latihan dan pembangunan ICT. Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman sesawang www.cosmopoint.com.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi: -

*Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5223
Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5213*